

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 28 Mei 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,
MALAYSIA, APRIL 2024

**Terma Perdagangan Malaysia merosot 1.0 peratus pada April 2024,
disumbangkan terutamanya oleh minyak galian.**

PUTRAJAYA, 28 MEI 2024 – Harga eksport Malaysia pada April 2024, menurun 0.4 peratus daripada 149.8 mata pada bulan sebelumnya kepada 149.2 mata. Namun begitu, harga import bertambah 0.6 peratus daripada 130.0 mata kepada 130.9 mata. Sementara itu, terma perdagangan Malaysia merosot 1.0 peratus bulan ke bulan kepada 114.0 mata, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), April 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Indeks nilai seunit eksport turun 0.4 peratus pada April 2024 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh penurunan indeks minyak galian (-2.8%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.5%) dan bahan kimia (-0.1%). Begitu juga, indeks volum eksport merosot 10.4 peratus selaras dengan kemerosotan indeks minyak galian (-16.2%),

makanan (-13.7%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-12.3%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim turut menguncup 7.2 peratus daripada 152.8 mata kepada 141.8 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit dan indeks volum masing-masing menokok 5.1 peratus dan 3.7 peratus.”

Indeks nilai seunit import naik 0.6 peratus pada April 2024, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (+1.1%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.7%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+0.5%). Sementara itu, indeks volum import jatuh 8.2 peratus pada April 2024 berbanding Mac 2024, disumbangkan oleh kejatuhan dalam indeks minyak galian (-31.7%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-6.3%) dan makanan (-4.2%). Indeks volum import pelarasan bermusim susut 4.9 peratus daripada 192.2 mata kepada 182.7 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit dan indeks volum import masing-masing berkembang 2.1 peratus dan 13.2 peratus.


Di samping itu, terma perdagangan Malaysia merosot 1.0 peratus bulan ke bulan kepada 114.0 mata pada April 2024, didorong oleh kemerosotan indeks minyak galian (-3.8%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-1.2%) dan pelbagai barang keluaran kilang (-0.1%). Terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun naik 3.0 peratus daripada 110.7 mata pada April tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2022 – April 2024**

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 Mei 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, May 28th 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,
MALAYSIA, APRIL 2024

Malaysia's terms of trade declined by 1.0 per cent in April 2024, mainly attributable to mineral fuels.

PUTRAJAYA, MAY 28, 2024 – Malaysia's export prices in April 2024 decreased by 0.4 per cent from 149.8 points in the previous month to 149.2 points. However, import prices rose by 0.6 per cent from 130.0 points to 130.9 points. Meanwhile, Malaysia's terms of trade fell by 1.0 per cent month-on-month to 114.0 points as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), April 2024**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The export unit value index went down by 0.4 per cent in April 2024 as compared to the previous month, led by the decrease in the index of mineral fuels (-2.8%), machinery & transport equipment (-0.5%) and chemicals (-0.1%). Likewise, the export volume index declined by 10.4 per cent in line with the decrease in the index of mineral fuels (-16.2%), food (-13.7%) and machinery & transport equipment (-12.3%). The seasonally adjusted export volume index also fell by 7.2 per cent from 152.8 points to 141.8 points. With regards to the annual comparison, the unit value index and volume index increased by 5.1 per cent and 3.7 per cent, respectively."

The import unit value index rose by 0.6 per cent in April 2024, contributed from the increases in the index of mineral fuels (+1.1%), machinery & transport equipment (+0.7%) and miscellaneous manufactured articles (+0.5%). Meanwhile, the import volume index decreased by 8.2 per cent in April 2024 as compared to March 2024, attributed from the decrement in the index of mineral fuels (-31.7%), machinery & transport equipment (-6.3%) and food (-4.2%). The seasonally adjusted import volume index edged down by 4.9 per cent from 192.2 points to 182.7 points. Year-on-year comparison showed that the import unit value index and volume index grew by 2.1 per cent and 13.2 per cent, respectively.

In addition, Malaysia's terms of trade slipped by 1.0 per cent month-on-month to 114.0 points in April 2024, driven by the decrement in the index of mineral fuels (-3.8%), machinery & transport equipment (-1.2%) and miscellaneous manufactured articles (-0.1%). Malaysia's terms of trade edged up by 3.0 per cent year-on-year from 110.7 points in April of the previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.




Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2022 – April 2024

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
28 May 2024